

R B158 AAB
MAHATHIR - SIKAP
(EMBARGO: UNTUK DISIARKAN SELEPAS 6 PETANG INI.)

=====
OLEH ABDUL RAHMAN SULAIMAN
(1)

KUALA LUMPUR, 28 DIS (BERNAMA) -- BENARKAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SUDAH +BERUBAH+ SELEPAS BELIAU MENJALANI PEMBEDAHAN PINTASAN KORONARI PADA JANUARI TAHUN INI?

INILAH YANG DIPERKATAKAN OLEH SESETENGAH RAKANNYA YANG RAPAT DAN DI KALANGAN ORANG RAMAI JUGA, ADA YANG BERFIKIR BEGITU.

SOALAN MENGENAI PERKARA INI TELAH DIAJUKAN KEPADA BELIAU SENDIRI SEMASA WAWANCARA AKHIR TAHUN BELIAU DENGAN EDITOR-EDITOR KANAN MEDIA TEMPATAN DI PEJABATNYA DI SINI HARI INI.

+KATA ORANG, SELEPAS PEMBEDAHAN PINTASAN KORONARI DAHULU, DATUK SERI KINI SUDAH MENJADI SEORANG YANG JAUH LEBIH RAMAH. ADAKAH INI MENUNJUKKAN YANG DATUK SERI DAHULU TIDAK RAMAH DAN KINI MENJADI LEBIH RAMAH?+ BEGITULAH KIRA-KIRA BUNYINYA PERTANYAAN ITU.

PERDANA MENTERI TERGELAK MENDENGAR PERTANYAAN ITU, LALU MENJAWAB: +SAYA DIBERITAHU BAHAWA SAYA TIDAK RAMAH. SEBELUM MENJALANI PEMBEDAHAN ITU PUN SAYA CUBA MEMBETULKAN ANGGAPAN INI YANG FIKIR TIDAK WAJAR.

+SAYA BIASANYA PERAMAH TETAPI SAYA TIDAK MEMILIKI WAJAH YANG PERAMAH. SAYA TIDAK SENYUM SEBEGITU KERAP.+ -- LAGI.
1658MST 28 12 89

D130

R B159 AAB
MAHATHIR - SIKAP 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+ADA ORANG KATA SAYA JARANG SENYUM, JADI SEKARANG SAYA KENALAH BANYAK SENYUM. SAYA KENALAH CUBA ELAKKAN DARIPADA TERLALU MEMIKIRKAN PERKARA-PERKARA YANG SERIUS. SAYA KENA PERUNTUKKAN MASA SAYA UNTUK PERKARA SEPERTI ITU.+

+TETAPI SEBENARNYA PEMBEDAHAN ITU MEMBERI KESAN PSIKOLOGI YANG BESAR KEPADA SAYA, SEPERTI JUGA KESANNYA KE ATAS ORANG LAIN. JIKA KITA ANGGAPKAN KETIKA PEMBEDAHAN, JANTUNG KITA SUDAH BERHENTI, DARI SEGI TEKNIKALNYA BERMAKNA KITA SUDAH TIDAK BERNAFAS...SEBELUM DIPULIHKAN.+

+INI PENGALAMAN YANG BERKESAN KEPADA SESIAPA SAHAJA. DOKTOR MEMBERITAHU SAYA BAHAWA SESIAPA YANG MENJALANI PEMBEDAHAN, TELAH MENJALANI PENGALAMAN YANG MENAKUTKAN DAN MENGEJUTKANNYA. BIASANYA SELEPAS ITU ORANG ITU AKAN MENGALAMI PERUBAHAN. BARANGKALI SAYA SUDAH BERUBAH DISEBABKAN ITU.+ -- BERNAMA.
1706MST 28 12 89